



Biodata

Nama: **Mohd Jais Rozali** atau **Pak Ngah**

Asal: **Temerloh, Pahang**

Umur: **62** tahun

Latar belakang pendidikan: **MCE**

Jawatan: **Pesara tentera - Peg. Waran 1, TUDM Kuching**

Falsafah hidup: **Alang-alang celup pekasam biar sampai ke pangkal lengan dan Genggam bara api biar sampai jadi arang.**

Siapa Mengapa?

Oleh **LAUPA JUNUS**
laupajunus@hotmail.com



GASING merupakan objek yang dipusing dengan tali, dengan memintal atau lebih tepat melilit tali pada gasing. Cara bermain adalah dengan kedudukan kekuda kaki kiri di hadapan dan meletakkan posisi gasing paksi ke bawah separas bahu lalu membalingnya ke petak pusingan yang dituju.


Seorang tokoh permainan gasing tempatan **Mohd Jais Rozali**, antara pejuang permainan tradisional ini yang telah lama mengabdikan diri dalam dunia gasing di Temerloh, Pahang. Beliau berasakan masih banyak perlu dilakukan untuk memartabatkan permainan ini supaya tidak lapuk ditelan zaman.

Pengenalan gasing polimer akhirnya membantu



PAK NGAH menunjukkan gasing yang diperbuat daripada kayu.

GASING polimer merupakan inovasi baharu yang mengangkat martabat permainan tradisional tersebut.



Reka bentuk gasing

Pengenalan material polimer bantu angkat martabat permainan tradisional

menyemarakkan permainan gasing selain menambah lagi nilai reka bentuknya. Ikut luahan hati beliau.

Kongsi secara ringkas bagaimana tuan meminati gasing?

Punca saya meminati gasing kerana saya tinggal dalam persekitaran yang sukakan permainan tersebut. Di tempat saya tinggal di Kampung Sanggang pada tahun 1960-an dan 1970-an memang mahsyur dengan permainan gasing. Oleh itu saya turut bermain. Oleh sebab saya beranggapan permainan gasing agak jauh ketinggalan berbanding permainan tradisional lain seperti wau, maka saya berazam untuk membawa gasing ke peringkat lebih tinggi.

Sejak bila tuan terlibat?

Saya terlibat sejak 1993 bermula permainan gasing kayu tradisional kemudian ke gasing kayu kebangsaan yang dimainkan di semua negeri di Malaysia.

Selepas berusaha pada 2005, gasing ini diterima pakai di sekolah dalam subjek kokurikulum. Hasil penerimaan ini, timbul pula masalah menyediakan gasing kayu.

Ekoran daripada itu, kami membuat kajian dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM). Penciptaan gasing ini mendapat perhatian Team Inovasi Malaysia dalam Program Jejak Inovasi dan memenangi anugerah produk inovasi berimpak tinggi pada tahun tersebut.

Pertandingan yang telah dijalankan menggunakan gasing plastik antaranya Festival Gasing 2013 di UPM, Festival Belia Malaysia 2014 dan *MyGasing*



Championship 2014 di Klang Parade.

Apakah yang boleh tuan komen mengenai pelbagai variasi reka bentuk gasing ketika ini?

Kita dapati ada perbezaan mengenai reka bentuk gasing di setiap kawasan, daerah, negeri malah negara sekali pun. Setiap negara misalnya mempunyai bentuk dan cara permainan membolehkan semua tempat boleh bermain gasing yang sama dengan cara permainan yang sama lalu mewujudkan perpaduan.

Apakah yang paling menyeronokkan dalam permainan gasing?

Cara permainan yang sangat mencabar, bukan sahaja lasak secara fizikal malah melibatkan ketajaman fikiran untuk mendapatkan strategi terbaik bagi memenangi permainan.

Pelbagai reka bentuk gasing ditemukan ketika ini. Bagaimana ia membantu menyemarakkan permainan tradisional tersebut?

Saya memilih gasing yang mempunyai satu bentuk sahaja supaya semua orang bermain permainan yang sama dan membantu memupuk perpaduan.

Antara gasing polimer dan material kayu, apakah perbezaan antara keistimewaan masing-masing?

Gasing polimer mempunyai lebih ketahanan, keseragaman dan keselamatan



REKA bentuk gasing.

serta kos rendah. Gasing polimer lebih baik berbanding gasing kayu. Gasing kayu sukar didapati.

Apakah jenis kayu yang digunakan dalam pembuatan gasing?

Satu ketika dahulu gasing diperbuat daripada kayu keranji, tualang, kempas dan leban.

UPM telah menghasilkan gasing polimer. Apakah komen tuan?

Penghasilan gasing polimer adalah hasil kerjasama pelbagai pihak seperti UPM, persatuan dan peminat gasing.

Bagaimana tuan membantu menyemarakkan permainan gasing khususnya dalam kalangan generasi muda?

Antara caranya ialah menerapkan permainan gasing dalam kokurikulum sekolah menerusi program tunas budaya melibatkan sekolah rendah dan Giat Budaya bagi sekolah menengah selain usaha sedang digerakkan di peringkat universiti.

Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan?

Kerajaan boleh membantu dengan menerima sukan gasing dalam agenda sukan negara.